

29/08/1999

Pelajar universiti bantu kerajaan majukan negara

JOHOR BAHRU: Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menyarankan institusi pengajian tinggi mengubah arus pembangunan ilmu dengan menjurus sebagai ejen penemuan selaras perkembangan pesat sektor industri pada alaf akan datang.

Perdana Menteri berkata, kerajaan berharap untuk melahirkan masyarakat berkemahiran yang bukan saja boleh mengubahsuai, tetapi mampu mencipta, menambah dan memperbaharui teknologi yang diperlukan.

"Masyarakat kini melihat universiti sebagai sebuah perusahaan yang perlu menghasilkan produk bagi memenuhi keperluan pelanggan serta dapat diaplikasikan sektor industri, terutama dalam bidang pembuatan," katanya ketika melancarkan tema Universiti Diskoveri di Universiti Teknologi Malaysia (UTM), Skudai di sini, semalam.

Tema itu dipilih UTM selaras fungsi universiti itu menjalankan banyak kajian bagi menghasilkan penemuan baru sejak ditubuhkan pada 1972 dengan melahirkan lebih 45,000 graduan dalam bidang sains dan teknologi.

Perdana Menteri berkata, langkah UTM memberi penekanan kepada penemuan baru sejajar fungsi universiti yang sudah berubah daripada sebuah gedung ilmu kepada penjana teknologi.

Sehubungan itu, beliau mengucapkan syabas kepada UTM kerana menghasilkan beberapa penemuan seperti teknologi solar, teknologi membran, ciptaan 'sine lab' dan menubuhkan makmal teknologi marin.

Terdahulu, beliau merasmikan makmal berkenaan yang diwujudkan dengan kos RM30 juta bagi menjalankan kerja penyelidikan dalam bidang rekabentuk dan prestasi kapal serta struktur lain marin.

Dr Mahathir berkata pelajar universiti pula boleh membantu negara mencapai kemajuan sempurna dengan memahami tanggungjawab sebagai pelajar.

Perdana Menteri berkata pelajar di institusi pengajian tinggi menjadi sebahagian sumber manusia penting negara bagi mewujudkan masyarakat saintifik dan progresif.

Beliau berkata, negara memerlukan lebih ramai sumber manusia berilmu dan mahir dalam pelbagai bidang sains dan teknologi bagi mencapai kemajuan tersendiri tanpa terikut corak negara maju lain, khususnya di Barat.

(END)